

'ABDULLAH BIN AL-ZUBAIR

Oleh

MAHAYUDIN BIN HJ. YAHAYA

KERAJAAN Umayyah telah menghadapi berbagai cabaran sejak awal-awal kenaikannya. 'Abdullah b. al-Zubair (Ibn al-Zubair) adalah di antara pencabar-pencabar tersebut yang telah berhadapan dengan kekuasaan Umayyah. Dengan berkat usaha dan keazamannya beliau berjaya menundukkan kekuatan tentera Umayyah di beberapa wilayah termasuk Hijaz dan Iraq. Dalam tahun 63/683 beliau melantik dirinya sebagai Khalifah.

Ibn al-Zubair adalah seorang politikus yang pintar, dan seorang tokoh yang berpengaruh di kalangan masyarakat di Hijaz, khususnya di kalangan kaum Quraysy. Beliau juga seorang yang berpengetahuan tinggi dalam ilmu agama. Berasal dari suku Tym (Quraysy). Dilahirkan di Madinah pada 2 haribulan Syaban, iaitu dua bulan selepas penghijrahan Rasulullah S.A.W. ke Madinah.

Ibn al-Zubair merupakan kanak-kanak pertama di Madinah dilahirkan dalam Islam. Bapanya, al-Zubair b. al-'Awwam, adalah seorang sahabat yang banyak berjasa kepada Islam dan termasuk dalam golongan *al-mubasyarin bi-'l-jannah*. Ibunya pula bernama Asma', iaitu anak kepada Sayyidina Abu Bakar dan adik beradik kepada Sayyidatina 'A'ishah, isteri Nabi Muhammad S.A.W. Sayyidatina 'A'ishah pernah mengambil dan mendidik Ibn al-Zubair sebagai anak angkatnya. Manakala usianya lapan tahun Ibn al-Zubair memberi *bai'ah* tanda setia kepada Rasulullah.

Semasa masih kanak-kanak lagi beliau sudah menunjukkan kecenderungannya kepada politik dan kepimpinan sehingga beliau pernah diramalkan oleh Sayyidina 'Umar b. al-Khattab untuk menjadi pemimpin agong di kemudian hari.¹ Sesungguhnya Ibn al-Zubair telah menjadi seorang pelopor Islam yang luar biasa, berani dan tabah dalam perjuangan. Banyak masanya dihabiskan dalam medan peperangan. Sejak usianya empat belas tahun beliau sudah memasuki peperangan, di antara lainnya ialah peperangan Yarmuk (14/635) menentang tentera Rom. Kemudian dalam peperangan pembukaan Negeri Mesir di zaman Khalifah 'Umar b. al-Khattab. Seterusnya di zaman Khalifah 'Uthman b. Affan di kalamana Ibn al-Zubair dilantik untuk mengetuai angkatan tentera Islam untuk menyerang wilayah-wilayah di Utara Afrika.

Dalam pada itu Ibn al-Zubair turut memainkan peranan dalam mempertahankan kedudukan pemerintahan Islam di Madinah dari ancaman dalam negeri. Semasa Khalifah 'Uthman dikepung di Madinah oleh kaum pemberontak beliau adalah salah seorang penyokong Khalifah yang tampil kemuka untuk menyekat kemaraan kaum pemberontak tersebut. Dalam kegulutan ini Ibn al-Zubair tercedera dan Khalifah 'Uthman tidak sempat diselamatkan daripada dibunuh.

1 Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Beirut, 1965, vol. IV, h. 150.

Apabila selesai saja daripada pembunuhan Khalifah 'Uthman kaum pemberontak yang diketuai oleh al-Ashtar Malik b. Harith al-Nakha' segera melantik Sayyidina 'Ali untuk menjadi Khalifah yang baru. Tapi kaum Quraysy Mekah yang dipimpin oleh Talha, al-Zubair dan 'A'ishah enggan menerima 'Ali sebagai Khalifah. Penentangan kaum Quraysy ini akhirnya telah membawa kepada perang saudara pertama dalam Islam, dan perang ini dikenali dengan "Perang Jamal" pada 36/657. Dalam peperangan ini tentera Quraysy Mekah telah tiwas dan kedua pemimpin mereka, Talha dan al-Zubair terbunuh. Manakala 'A'ishah dan 'Abdullah b. al-Zubair telah terselamat dan kemabli semula ke Mekah. Ekoran dari perang Jamal berlaku pula perang saudara kedua di Siffin antara 'Ali dan Mu'awiyah. Kedua pemimpin itu inginkan kekuasaan dan masing-masing mempunyai pengikut yang ramai. Pihak 'Ali sebagai seorang Khalifah maukan Mu'awiyah bekerja sama dan taatsetia kepadanya. Manakala Mu'awiyah pula tidak berpuas hati dengan 'Ali dan menuduh beliau seorang yang bersyubahat dengan kaum pemberontak dan pembunuhan-pembunuhan Khalifah 'Uthman.

Sebenarnya issue pembunuhan Khalifah 'Uthman telah sengaja ditunjulkannya oleh Mu'awiyah sebagai alasan untuk mendapatkan sokongan bagi menentang 'Ali. Jika sebenar tujuan Mu'awiyah untuk membela kematian Khalifah 'Uthman maka sudah pasti beliau melancarkan serangan terhadap 'Ali sejak perang Jamal lagi. Tapi ini tidak berlaku sama sekali. Malah disebaliknya Mu'awiyah dan tentera-tentera di Syria hanya mendiamkan diri sewaktu persengketaan itu berlaku.²

Dalam persengketaan 'Ali/Mu'awiyah pihak Ibn al-Zubair telah memilih jalur tengah dan tidak memihak kemana-mana. Ini jelas menunjukkan beliau mempunyai pendirian sendiri, atau ingin kepada kekuasaan. Andai kedua pihak itu berperang sudah pasti salah seorang darinya akan jatuh, atau setidak-tidaknya menempah kerugian dan kelemahan. Di saat itu pintu kekuasaan bagi Ibn al-Zubair akan terbuka untuk muncul sebagai golongan ketiga.

Oleh kerana Mu'awiyah seorang tokoh yang berpengalaman dalam politik setelah memimpin selama dua puluh tahun sebagai governor di Syria, di samping wujudnya perpecahan di kalangan tentera 'Ali, menyebabkan beliau berjaya merampas kekuasaan Khalifah dan seterusnya mendirikan Kerajaan Umayyah pada 41/661. Sebaik saja Mu'awiyah menjadi Khalifah pusat pemerintahan Islam telah dipindahkan ke Damsyik.

Dalam masa pemerintahan Mu'awiyah kaum Muslimin telah berbelah bagi : ada yang menentang dan ada yang menyokongnya. Ibn al-Zubair dan penduduk-penduduk di Hijaz pada keseluruhannya termasuk dalam golongan penentang. Mereka tidak berpuas hati dengan perlantikan Mu'awiyah sebagai Khalifah dan tidak bersetuju pusat Islam dipindahkan ke Damsyik. Mereka maukan Khalifah itu dari keturunan Quraysy Mekah dan pusat pemerintahan Islam dikekalkan di Madinah.

² Al-Tabari, *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, M.J. de Goeje (ed.), Leiden, 1879–1901, vol. I, h. 3099–3100, 3104.

Penduduk-penduduk di Hijaz yang menentang Mu'awiyah ini pula terbahagi kepada dua: pertama ialah penyokong-penyokong Sayyidina 'Ali yang dipimpin oleh anaknya al-Husain, dan kedua ialah pengikut-pengikut Ibn al-Zubair, yang kebanyakannya berada di Mekah. Penentangan Sayyidina al-Husain terhadap Mu'awiyah telah menjadi lemah sejak penyerahan kekuasaan oleh saudaranya al-Hasan kepada Mu'awiyah. Keadaan ini telah memberi peluang keemasan kepada Ibn al-Zubair untuk muncul sebagai pencabar kedua terhadap pemerintahan Umayyah di Hijaz.

Mu'awiyah sebagai seorang tokoh politik yang cemerlang telah menyusun pentadbiran negara dengan begitu teratur dan jitu. Beliau telah menggunakan diplomasi yang begitu halus dan berkesan sehingga dapat menawan hati lawannya di Iraq. Namun begitu ia gagal untuk mempersonakan Ibn al-Zubair dan para sahabat lain yang berada di Hijaz.

Penduduk-penduduk di Hijaz lebih cenderung kepada pemuatan pemerintahan ke Madinah di bawah kekuasaan dan kepimpinan kaum Guraysy. Di satu ketika apabila Mu'awiyah cuba memindahkan membar sembahyang dari Masjid Nabi di Madinah ke Damsyik mereka terus menentang. Akhirnya Mu'awiyah merasa bersalah dan usaha pemindahan membar itu dibatalkan.

Mu'awiyah adalah bersifat/disifatkan seorang raja, mempunyai tentera pengiring dan pengawal peribadi di dalam dan luar istana. Manakala pergi bersembahyang ke masjid beliau pada lazimnya diiring oleh beberapa orang pegawai dan pengawal peribadi. Di masjid Mu'awiyah dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan di-khaskan tempat yang istimewa berbeza dengan tempat sembahyang orang-orang biasa. Biasanya orang ramai bersembahyang di atas lantai manakala Mu'awiyah dan pengikut-pengikutnya di atas pentas (*maqsurah*). Dalam khutbah Jum'at nama Sayyidina 'Ali selalu dicaci dan dihina — amalan ini selalu dilakukan dalam masa pemerintahan Umayyah. Justeru itu penduduk di Hijaz semakin bertambah marah, terutama dari kalangan keluarga Sayyidina 'Ali.

Meskipun Ibn al-Zubair pernah juga menentang Sayyidina 'Ali sewaktu Perang Jamal tapi setelah kematiannya beliau tidak pernah sekali-kali mengungkit tentang keburukan Sayyidina 'Ali. Malah ia saling berhubung mesra dengan keluarganya.

Walaupun Ibn al-Zubair dan Mu'awiyah saling bermusuhan di antara satu dengan lain tapi keduanya tetap bersatu dalam menghadapi musuh dari luar seperti Rom.

Sebelum ia meninggal Mu'awiyah sekali lagi melakukan kesilapan manakala beliau melantik anaknya, Yazid, sebagai putra mahkota. Perlantikan Yazid telah ditentang hibat oleh beberapa negara Islam termasuklah Hijaz. Mereka berpendapat bahawa Mu'awiyah telah cuba mengubah sistem berkhalifah kepada sistem beraja dan mengekalkan keturunannya dalam pemerintahan Umayyah. Untuk mencapai matalamat ini Mu'awiyah telah melancarkan kempen secara besar-besaran ke seluruh empayar Islam. Dalam tahun 50/670 beliau telah menemui beberapa orang tokoh di Hijaz seperti 'Abdullah b. 'Abbas, 'Abduliah b. 'Umar dan 'Abdullah b.

al-Zubair. Dalam pertemuan ini pemimpin-pemimpin tersebut telah mengecam sehibat-hibatnya pemerintahan Umayyah dan membantah perlantikan Yazid. Kecaman yang paling hibat adalah dari Ibn al-Zubair sendiri dengan katanya "Sesungguhnya perjawatan Khalifah adalah hak orang-orang Quraysy . . . aku adalah 'Abdullah b. al-Zubair, anak saudara kepada Rasulullah. . ." Apabila gagal Mu'awiyah kembali semula ke Syria dalam keadaan yang muram.

Setelah kematian al-Hasan b. 'Ali Mu'awiyah sekali lagi menarik kembali perhatian Ibn al-Zubair menerusi gobernorinya di Madinah iaitu Marwan b. al-Hakam, tapi juga tidak berjaya. Akhirnya Mu'awiyah membuat keputusan sendiri dengan melantik Yazid sebagai Khalifah selepasnya. Tapi sebelum ia meninggal Mu'awiyah berpesan kepada Yazid supaya berhati-hati dan berwaspada dengan Ibn al-Zubair.³

Apabila Yazid menjadi Khalifah Ibn al-Zubair dan pengikut-pengikutnya di Hijaz keluar memberontak. Yazid adalah dikatakan seorang yang masih mentah dalam politik dan sangat gemar kepada hiburan dan keseronokan sehingga dianggap tidak layak menjadi Khalifah. Disebaliknya Ibn al-Zubair tergolong dalam lingkongan ahli politik yang matang dan mempunyai pengaruh yang luas serta terdidik dalam keluarga Rasulullah S.A.W. Ibn al-Zubair menjadi popular di kalangan orang-orang haji yang tiba di Mekah. Setiap musim haji beliau berpeluang menemui mereka dan memberitahu mereka tentang kelemahan-kelemahan Yazid.

Disamping itu Sayyidina al-Husain adalah juga di antara yang berpengaruh dan mempunyai penyokong yang ramai di Hijaz, dan tidak kurang pula kebolihannya dalam politik. Tapi akhirnya beliau tewas setelah dikepung dan dibunuh di Karbala' oleh tentera-tentera Yazid. Dengan kematian al-Husain maka tidak ada lagi tokoh yang berpengaruh di Hijaz selain dari Ibn al-Zubair. Seluruh negeri Hijaz menumpukan perhatian kepadanya bagi menentang Kerajaan Umayyah. Dan tidak lama selepas itu (63/683) beliau mengaku dirinya sebagai Khalifah.

Kebesaran dan keagongan Ibn al-Zubair kian bertambah sehingga beliau dapat menguasai beberapa buah negeri termasuklah Hijaz dan Iraq. Ini menimbulkan kemarahan Khalifah Yazid, yang menyebabkan beliau menghantar suatu ketumbukan tentera seramai 12,000 orang ke Hijaz yang diketuai oleh Muslim b. 'Aqabah bagi menentang Ibn al-Zubair. Serangan dimulakan keatas kota Madinah dimana ramai yang menjadi mangsa. Menurut satu sumbar mengatakan tidak kurang dari 700 orang Quraysy dan kaum Ansar, termasuk 80 orang sahabat nabi turut terkorban dalam serangan tersebut.⁴ Dan kebanyakannya ahli sejarah bersepakat tentang keganasan tentera-tentera Umayyah terhadap penduduk-penduduk Islam di Madinah.⁵ Setelah kota Madinah dikalahkan sasaran tentera Umayyah tertumpu pula ke kota Mekah. Kali ini tentera Umayyah dipimpin oleh Husain b. Namir

3 Ibn al-Athir, *op. cit.*, vol. IV, h. 3.

4 *Ibid.*, h. 51.

5 Al-Tabari, *op. cit.*, vol. I, h. 513–4; al-Ya'qubi, *Tarikh*, Beirut, 1960, vol. II, h. 223; Ibn al-Athir, *op. cit.*, vol. IV, h. 165–66.

setelah Muslim b. 'Aqabah meninggal. Kota Makkah lebih kukuh kedudukannya dengan sebab adanya Ibn al-Zubair disana. Tambahan pula adanya sokongan-sokongan dari negara-negara Islam yang lain seperti kaum *Khawarij* dari Yamamah dan Basrah dan kaum Muslimin dari negeri Habsyah.⁶ Mereka menganggap penyerobohan tentera Umayyah terhadap tanah suci Makah adalah suatu pencabulan dan penodaan terhadap kesucian Islam. Walau bagaimanapun, sebelum tamatnya perperangan Khalifah Yazid diberitakan meninggal (4 Rabi' al-Awwal 64/684). Kemudian Husain b. Namir dikatakan mempelawa Ibn al-Zubair pergi ke Damsyik untuk dilantik menjadi Khalifah. Tapi pelawaan ini telah ditolak oleh Ibn al-Zubair kerana ia tahu bahawa semua itu adalah tipu muslihat daripada kaum Umayyah.

Sebaik saja tentera Umayyah berlepas ke Syria Ibn al-Zubair pun dilantik secara rasminya sebagai Khalifah (amir al-mu'minin) oleh penduduk di Hijaz.⁷ Perlantikan ini dibuat dalam tahun 63/683. Penduduk-penduduk di Iraq turut menyokong Ibn al-Zubair dengan harapan agar mereka terlepas dari kongkongan pemerintahan Umayyah.⁸ Justeru tindakan ini 'Ubaidillah b. Ziyad, gabenor Yazid di Iraq, disingkir keluar dari negeri itu pada 64/684.

Setelah terhapusnya 'Ubaidillah b. Ziyad maka Negeri Iraq menjadi salah sebuah negara penyokong yang terkuat kepada kerajaan Ibn al-Zubair. Setelah itu diikuti pula oleh negara-negara lain seperti Mesir, Yaman, Khurasan dan Musaps-temia. Hanya Syria saja yang boleh dikatakan yang masih patuh kepada pemerintahan Umayyah. Ini berikutan dari kekalahan Dahhaq b. Qays, salah seorang pengikut Ibn al-Zubair di sana, dalam perang "Maraj Rahit".⁹ Sebelum itu Syria hampir-hampir jatuh dibawah takluk kekuasaan Ibn al-Zubair.

Tidak lama selepas berkuasa kedudukan Ibn al-Zubair mula goncang akibat dari penentangan kaum *Khawarij* pada 65/655. Kedua-duanya ingin menguasai negeri Hijaz. Walaupun puak *Khawarij* pada awalnya menyokong Ibn al-Zubair dalam perperangan menentang tentera Umayyah, tapi ini tidak bererti mereka tunduk kepada kekuasaan Ibn al-Zubair. Sokongan itu diberi hanya semata-mata untuk mempertahankan tanah suci Mekah dari terjatuh ke bawah kekuasaan Umayyah. Apabila pergulatan berlaku antara Ibn al-Zubair dengan kaum *Khawarij* tentera Umayyah dibawah Khalifah 'Abdul Malik b. Marwan telah mengambil kesempatan bagi memperkokohkan kedudukannya. Di sini bererti Ibn al-Zubair berhadapan dengan dua musuh dalam masa yang sama. Di samping *Khawarij* beliau terpaksa juga menghadapi musuh lama iaitu tentera Umayyah yang diketuai oleh 'Abdul Malik b. Marwan. Akhirnya ia tewas dan dibunuhi dalam pertempuran di Maskin pada tahun 72/692.

Dalam masa pemerintahan 'Abdul Malik b. Marwan kerajaan Umayyah telah kembali aman setelah kaum pemberontak *Khawarij* dapat dihapuskan di akhir-akhir

6 Al-Baladhuri, *Ansab al-Ashraf*, vol. IVB, M. Schloessinger (ed.) Jerusalem, 1938, h. 51.

7 Al-Ya'qubi, *op. cit.*, vol. III, h. 2.

8 J. Wellhausen, *The Arab Kingdom and its Fall*, tr. M.G. Weir, Calcutta, 1927, h. 19.

9 Al-Mas'udi, *al-Tanbih wa al-Ishraf*, Cairo, 1938, h. 268.

tahun 70an hijrah dan negara-negara Islam yang sebelum ini jatuh kebawah kekuasaan Ibn al-Zubair kembali semula ketangan Umayyah. Namun begitu, kejayaan 'Abdul Malik, terutama dalam menghadapi masalah *Khawarij* adalah bergantung kepada usaha tenaga yang dilakukan oleh Ibn al-Zubair sebelumnya.

Kejayaan Ibn al-Zubair, walaupun dalam jangka masa yang singkat, adalah oleh kerana beberapa sebab : pertama kerana kebanyakannya dari para sahabat agong seperti 'Abdullah b. 'Umar, 'Abdullah n. 'Abbas dan Muhammad b. al-Hanafiyyah, walau-pun tidak sepenuhnya menyokong Ibn al-Zubair, mereka semuanya tidak bersetuju dengan pemerintahan Khalifah Yazid b. Mu'awiyah. Kedua, kebanyakannya gabenor-gabenor dan pegawai-pegawai yang dihantar oleh Khalifah Yazid ke Hijaz adalah tidak cekap. Ketiga, kedudukan ekonomi negara dimasa pemerintahan Khalifah Yazid juga tidak stabil. Keempat, munculnya kaum-kaum pemberontak terhadap kaum Umayyah. Kelima, sikap dan keperbadian Khalifah Yazid yang lemah. Dan keenam, terjadinya persetiwa pembunuhan Sayyidina al-Husain di Karbala'.